



Singapore Examinations and Assessment Board

**Singapore–Cambridge General Certificate of Education
Ordinary Level (2022)**

**Malay B
Bahasa Melayu B
(Syllabus 1151)**

KANDUNGAN

	<i>Halaman</i>
TUJUAN PEPERIKSAAN	3
OBJEKTIF PENILAIAN	3
HASIL PEMBELAJARAN	4
FORMAT PEPERIKSAAN	4
JADUAL PENGKHUSUSAN	6
RUBRIK PEMARKAHAN	9

1 TUJUAN PEPERIKSAAN

Peperiksaan GCE Bahasa Melayu B Peringkat Biasa bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Menengah, Kementerian Pendidikan.

2 OBJEKTIF PENILAIAN

Peperiksaan Bahasa Melayu B bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) mendengar dan memahami pelbagai jenis teks lisan, mengingat butir-butir, mengenal pasti idea penting dan idea tersirat dalam teks yang didengar;
- (b) membaca teks secara lantang dengan lancar, sebutan yang betul, artikulasi yang jelas, intonasi dan tekanan suara yang sesuai dengan menggunakan sebutan baku;
- (c) bertutur dengan fasih dan jelas dalam situasi sehari-hari dan memberikan respons yang sesuai secara lisan terhadap pelbagai rangsangan (misalnya, gambar atau topik) dalam bahasa Melayu baku;
- (d) membaca dan memahami pelbagai jenis teks dan memberikan respons terhadap teks seperti:
 - mengenal pasti maklumat khusus yang diperlukan
 - mengenal pasti idea utama
 - memastikan sebab dan akibat
 - membuat perbandingan
 - membuat inferens/kesimpulan yang mudah mengenai makna yang tersirat
 - mengenal pasti sebab/penjelasan untuk menyokong sesuatu respons atau pendapat
 - mengenal pasti makna perkataan mengikut konteks;
- (e) mengaplikasikan pengetahuan kosa kata dan tatabahasa dalam konteks yang sesuai; dan
- (f) menulis pelbagai jenis karangan dengan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi.

3 HASIL PEMBELAJARAN

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah 2011 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan sekolah menengah kursus Bahasa Melayu B Peringkat Biasa, pelajar berupaya untuk:

- (a) mendengar, memahami dan menghayati pelbagai bentuk teks untuk menjalankan tindak balas berdasarkan pelbagai konteks, tujuan, khalayak dan situasi secara lisan atau bukan lisan;
- (b) bertutur dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan tujuan, khalayak dan konteks dengan menggunakan sebutan baku dan boleh berinteraksi sosial terutamanya tentang hal-hal serantau dan dunia dengan bertatasusila;
- (c) membaca pelbagai jenis teks dengan jelas dan betul bagi tujuan pemahaman dan penghayatan dan memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak; dan
- (d) menulis pelbagai jenis teks dengan berkesan dengan menggunakan bahasa yang betul untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi.

4 FORMAT PEPERIKSAAN

Format peperiksaan bagi Peperiksaan GCE Bahasa Melayu B Peringkat Biasa terbahagi kepada:

Kertas 1: Penulisan Fungsional
Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman
Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar

Kertas 1: Penulisan Fungsional* (20 markah)

Kertas 1 mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki memilih satu soalan sahaja. Masa yang diperuntukkan ialah 50 minit. Calon dikehendaki menulis karangan dengan menggunakan sekurang-kurangnya 120 patah perkataan. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.

- Soalan 1 – Penulisan e-mel tidak formal
- Soalan 2 – Penulisan berdasarkan gambar

* Penulisan input teks berasaskan komputer yang menggunakan perisian *Microsoft Word*.

Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman (30 markah)

Kertas 2 mengandungi tiga bahagian. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam.

- Bahagian A: Tatabahasa – Melengkapkan Teks (10 markah)
Bahagian ini mengandungi 10 soalan tatabahasa berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan satu teks autentik seperti iklan, rencana daripada surat khabar, Internet dan lain-lain lagi.
- Bahagian B: Kefahaman 1 (10 markah)
Bahagian ini mengandungi lima soalan kefahaman berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan 2-3 teks autentik seperti iklan, brosur, poster, risalah, menu, laporan berita dan lain-lain lagi.
- Bahagian C: Kefahaman 2 (10 markah)
Bahagian ini mengandungi lima soalan kefahaman berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan satu teks naratif.

Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar (50 markah)

Kertas 3 terdiri daripada dua komponen.

- Lisan (30 markah)
Peperiksaan Lisan terdiri daripada dua bahagian. Masa yang diperuntukkan ialah 15 minit.

Calon diberi masa persiapan selama 10 minit.
 - Bahagian A: Bacaan Lantang (10 markah)
Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang diberikan.

Petikan karangan tersebut akan dipaparkan pada skrin komputer.
 - Bahagian B: Perbualan berdasarkan klip video (20 markah)
Calon dikehendaki berbual berdasarkan klip video yang diberikan.
- Kefahaman Mendengar (20 markah)
Bahagian ini mengandungi 10 soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan 7 teks autentik pelbagai genre seperti rencana, iklan, pengumuman, cerpen dan lain-lain lagi. Empat daripada teks tersebut merupakan teks pendek (satu soalan bagi setiap teks pendek). Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

1151 MALAY B GCE ORDINARY LEVEL SYLLABUS

5 JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Kandungan	Jenis Soalan	Jumlah Soalan	Jumlah Soalan yang perlu dijawab	Markah (Timbangan)	Catatan
Kertas 1 Penulisan Fungsional (50 minit)	Penulisan e-mel tidak formal	Respons bebas	2	1	20 (20%)	Karangan harus tidak kurang daripada 120 patah perkataan. Calon dikehendaki menulis karangan berdasarkan gambar yang diberikan. 10 kata/frasa bantuan diberikan. Calon menggunakan penulisan input teks berasaskan komputer.
	Penulisan berdasarkan gambar					
	<i>Jumlah</i>		2	1	20 (20%)	
Kertas 2 Penggunaan Bahasa dan Kefahaman (1 jam)	<u>Bahagian A</u> Tatabahasa - Melengkapkan Teks	MCQ	10	10	10 (10%)	1 teks fungsional berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, iklan, rencana daripada surat khabar, Internet dan lain-lain lagi.
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman 1	MCQ	5	5	10 (10%)	2-3 teks fungsional berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, iklan, brosur, poster, risalah, menu, laporan berita dan lain- lain lagi.
	<u>Bahagian C</u> Kefahaman 2	MCQ	5	5	10 (10%)	1 teks naratif
	<i>Jumlah</i>		20	20	30 (30%)	

1151 MALAY B GCE ORDINARY LEVEL SYLLABUS

Kertas (Masa)	Kandungan	Jenis Soalan	Jumlah Soalan	Jumlah Soalan yang perlu dijawab	Markah (Timbangan)	Catatan
Kertas 3 Lisan dan Kefahaman Mendengar (15 minit / Lebih kurang 30 minit)	Lisan <u>Bahagian A</u> Bacaan Lantang	Respons bebas	1	1	10 (10%)	Calon membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer. Bacaan Lantang akan dirakam.
	<u>Bahagian B</u> Perbualan berdasarkan klip video	Respons bebas	1	1	20 (20%)	Calon menonton klip video pendek. Calon dikehendaki berbual mengenai klip video yang ditonton.
	Kefahaman Mendengar	MCQ	10	10	20 (20%)	7 teks autentik termasuk 4 teks pendek; 1 soalan bagi setiap teks pendek.
	<i>Jumlah</i>			12	12	50 (50%)

RUBRIK PEMARKAHAN

1151 MALAY B GCE ORDINARY LEVEL SYLLABUS

**PEPERIKSAAN GCE PERINGKAT BIASA
BAHASA MELAYU B (1151/1)
SKEMA PEMARKAHAN KERTAS 1 (KARANGAN)**

Band	Band 1	Band 2	Band 3
Markah	8 – 10	4 – 7	1 – 3
Isi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea mencukupi ▪ relevan ▪ memuaskan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea agak mencukupi tetapi berulang-ulang dan menerawang ▪ penjelasan mudah ▪ mendatar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea tidak relevan dan tidak mencukupi ▪ idea lemah ▪ terputus-putus, bercelaru dan tidak jelas
Bahasa dan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ susunan dan pemerenggan sesuai; kesilapan kecil dalam format ▪ kosa kata dan struktur ayat pelbagai ▪ sedikit kesilapan besar ▪ bebas daripada pengulangan yang membosankan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat susunan dan pemerenggan; beberapa kesilapan yang ketara dalam format ▪ banyak kesilapan besar ▪ maksud jelas walaupun kosa kata terhad ▪ pada keseluruhannya, menggunakan ayat pendek 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ susunan, pemerenggan dan format bercelaru ▪ banyak dan pelbagai jenis kesilapan yang ketara ▪ kesilapan menyebabkan keseluruhan karangan tidak dapat difahami ▪ susunan perkataan bercelaru, banyak kesilapan dalam mengeja perkataan asas dan dalam aspek-aspek lain

1151 MALAY B GCE ORDINARY LEVEL SYLLABUS

**PEPERIKSAAN GCE PERINGKAT BIASA
BAHASA MELAYU B (1151/3)
SKEMA PEMARKAHAN KERTAS 3 (LISAN)**

BAHAGIAN 1: BACAAN LANTANG

Band	1	2	3
Markah	4 – 5	2 – 3	1
Sebutan dan Pengucapan (5 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ pada keseluruhannya, pengucapan jelas; sekali-sekala terdapat kesilapan sebutan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sebutan kurang tepat; terdapat usaha untuk mengekalkan kejelasan dalam pengucapan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat banyak kesilapan sebutan yang ketara; pengucapan tidak jelas
Markah	4 – 5	2 – 3	1
Kelancaran dan Rentak (5 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ pada keseluruhannya, lancar; terdapat beberapa kesilapan dalam tekanan dan rentak 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ teragak-agak; kerap membuat kesilapan dalam tekanan dan rentak 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terlalu teragak-agak; banyak kesilapan dalam tekanan dan rentak

1151 MALAY B GCE ORDINARY LEVEL SYLLABUS

BAHAGIAN 2: PERBUALAN

Band	1	2	3
Julat Markah	8 – 10	4 – 7	1 – 3
<p>Respons Peribadi dan Pengembangan Idea (10 markah)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan respons peribadi yang cukup tentang topik ▪ mengembangkan kebanyakan idea dengan agak jelas dan koheren ▪ dapat mengekalkan perbualan pada kebanyakan masa ▪ memerlukan rangsangan yang amat sedikit 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan beberapa respons peribadi tentang topik ▪ mengembangkan beberapa idea dengan agak jelas dan koheren ▪ dapat mengekalkan perbualan pada sebahagian masa ▪ sekali-sekala memerlukan rangsangan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ hampir tidak dapat memberikan respons peribadi tentang topik ▪ hampir tidak dapat mengembangkan idea ▪ hampir tidak dapat mengekalkan perbualan pada kebanyakan masa ▪ sentiasa memerlukan rangsangan
Julat Markah	8 – 10	4 – 7	1 – 3
<p>Penggunaan Bahasa dan Kelancaran (10 markah)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan kosa kata yang sesuai dan pola ayat yang lazim digunakan ▪ bertutur dengan menggunakan sebutan yang baik dan intonasi ayat yang natural 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan kosa kata asas yang kadangkala tidak sesuai dan pola ayat yang mudah-mudah ▪ dapat bertutur tetapi menghadapi sedikit kesukaran dalam sebutan dan/atau intonasi ayat 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan kosa kata dan pola ayat yang sangat terbatas atau tidak sesuai ▪ pertuturan dipenuhi kesilapan besar dalam sebutan dan intonasi ayat yang canggung